

Bahagian A

(60 markah)

Jawab **semua** soalan

1. a) Gambar di bawah menunjukkan satu sumber ekonomi.



Jelaskan ciri-ciri sumber ekonomi yang digunakan dalam proses pengeluaran di atas.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan ciri sistem ekonomi.

Sistem ekonomi yang memberikan kebebasan sepenuhnya kepada individu dan pihak swasta dalam pemilikan faktor.

Jelaskan kelebihan sistem ekonomi tersebut.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- c) Jadual 1 menunjukkan penawaran dan permintaan pasaran terhadap seluar sukan.

Harga (RM)	Kuantiti Seluar Sukan (unit)	
	Permintaan Pasaran	Penawaran Pasaran
5	55	10
15	40	25
25	20	40
30	10	45

- i) Dengan menggunakan kertas graf yang disediakan, lukiskan keluk keseimbangan pasaran.

[5 markah]

- ii) Berapakah harga dan kuantiti keseimbangan pasaran seluar sukan tersebut?

.....

[2 markah]

- d) Jadual 2 menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan harga sesuatu barang yang dikeluarkan oleh Firma Saujana.

Peratus perubahan kuantiti diminta (%)	Peratus perubahan harga (%)
25	15

- i. Hitung nilai pekali keanjalan permintaan barang di atas.

.....

[2 markah]

- ii. Berdasarkan jawapan d (i), terangkan faktor yang mempengaruhi keanjalan permintaan barang tersebut.

.....

[4 markah]

2. Gambar di bawah menunjukkan antara institusi kewangan yang terdapat di Malaysia.



a) i. Apakah jenis institusi kewangan tersebut.

.....
[1 markah]

ii. Terangkan kemudahan pembayaran yang disediakan oleh institusi kewangan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
[4 markah]

b) Jelaskan tiga perbezaan antara pembayaran tunai dengan pembayaran kredit.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
[6 markah]

- c) Jadual menunjukkan kos pengeluaran jangka pendek bagi sebuah firma di Tanjung Bidara, Melaka.

Keluaran (unit)	Jumlah kos (RM)	Kos purata (RM)	Kos marginal (RM)
0	110	-	-
1	170	170	60
2	210	105	40
3	230	76.67	Y
4	270	67.50	40
5	320	64	50
6	400	X	80

- i. Berapakah nilai X dan Y.

.....

[2 markah]

- ii. Berdasarkan jadual di atas, jelaskan hubungan antara keluaran dengan kos purata dan kos marginal.

- a. Keluaran 0 hingga 3

.....

[2 markah]

- b. Keluaran 4 hingga 6

.....

[2 markah]

- d) Nyatakan tiga faktor yang mempengaruhi produktiviti.

.....

.....

.....

[3 markah]

3. a) Maklumat di bawah berkaitan dengan dua situasi dalam ekonomi

Situasi 1	Situasi 2
Ekonomi berada dalam keadaan deflasi	Struktur ekonomi telah mengalami perubahan daripada sektor pertanian kepada sektor perindustrian

Bandingkan jenis pengangguran berdasarkan situasi di atas:

Persamaan

.....

.....

[1 markah]

Perbezaan

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- b) Bagaimanakah alat dasar kewangan di bawah dapat mengatasi masalah inflasi.

- i. Nisbah rizab berkanun.

.....

.....

.....

[3 markah]

ii. Surat jaminan kerajaan.

.....

[3 markah]

c) Maklumat di bawah berkaitan satu aktiviti urusniaga di Malaysia.

Malaysia meningkatkan import kurma dari Arab Saudi sebagai persediaan menyambut kedatangan bulan Ramadhan tahun 2021.

Terangkan dua sebab wujud urusniaga di atas.

.....

[4 markah]

d) Jadual menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan beberapa mata wang asing.

Mata wang	Harga Jualan	Harga Belian
¥ 100	3.8455	3.8460
€ 1.00	5.9001	5.9009

i. Encik Nizam ingin melancong ke Itali atau Jepun.. Dengan peruntukan perbelanjaan wang sebanyak RM 15 000, hitungkan kadar pertukaran asing dalam nilai Euro dan Yen.

.....

[4 markah]

- ii. Berikan justifikasi destinasi pelancongan pilihan Encik Nizam berdasarkan jawapan (d)(i).

.....

.....

.....

[2 markah]

Bahagian B

(40 markah)

Jawab mana-mana **dua** soalan

4. Petikan akhbar di bawah berkaitan penetapan harga runcit oleh kerajaan.

Harga runcit pelitup muka 70 sen seunit



PUTRAJAYA - Harga runcit bagi seunit pelitup muka tiga lapis diturunkan daripada RM1 kepada 70 sen berkuatkuasa 1 November

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/27> Oktober 2020

- a) Jelaskan tindakan anda sebagai seorang pengguna apabila berhadapan dengan situasi di atas.
[4 markah]
- b) Dengan bantuan rajah, jelaskan kesan situasi di atas terhadap permintaan pelitup muka.
[7 markah]
- c) Situasi di atas akan memberi kesan kepada masyarakat dan negara. Huraikan secara terperinci.
[9 markah]

5. Petikan akhbar di bawah berkaitan sasaran kerajaan dalam ekonomi.

Kerajaan menyasarkan pertumbuhan KDNK industri mineral negara sebanyak RM 29 bilion pada tahun 2021 memandangkan perkembangan yang baik walaupun berlaku ancaman pandemik covid 19.

(Sumber: Ubahsuai Utusan Malaysia, 23 April 2021.

- a) Berikan sebab kerajaan menetapkan sasaran sedemikian. [4 markah]
- b) Jelaskan kesan perkembangan industri di atas terhadap pertumbuhan ekonomi. [7 markah]
- c) Cadangkan strategi kerajaan untuk mencapai sasaran pertumbuhan KDNK tersebut. [9 markah]

6. Maklumat di bawah berkaitan dengan hasil kerajaan.

Pn Nia membayar 6% daripada harga makanan di restoran makanan segera .



En Azmi membayar RM 220 kepada pihak berkuasa tempatan untuk rumah kediamannya .



a) Jelaskan jenis hasil kerajaan di atas.

[4 markah]

b) Apakah implikasi kepada isi rumah sekiranya kerajaan meningkatkan hasil cukai tersebut?

[7 markah]

c) Sekiranya kerajaan melaksanakan dasar fiskal mengembang, bagaimanakah tindakan tersebut mempengaruhi pasaran tempatan.

[9 markah]

7. Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Isu minyak sawit dan cadangan pengharaman EU ini meninggalkan kesannya hampir ke segenap lapisan masyarakat; orang awam, ahli perniagaan, pemilik ladang apatah lagi pekebun kecil akan kehilangan pendapatan mereka.

Jika diteliti, wujud semacam konspirasi dalam pengharaman import ke atas minyak sawit ini. Ini dapat diteliti melalui proses dan langkah-langkah menuju ke arah pengharaman tersebut.

Sepanjang enam bulan lepas (sejak 2018), kita telah mendengar banyak berita mengenai Revolusi Kesatuan Eropah (EU) dan cadangan untuk mengharamkan import minyak sawit ke Eropah.

Sumber : <https://www.sinarharian.com.my>, 14 April 2019

- a) Huraikan kesan terhadap ekonomi Malaysia akibat tindakan yang diambil oleh Kesatuan Eropah (EU) [4 markah]
- b) Dengan bantuan gambar rajah, jelaskan kesan pelaksanaan subsidi kerajaan ke atas pasaran antarabangsa. [7 markah]
- c) Cadangkan tindakan lain yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah di atas. [9 markah]